



07 JAN, 2026

Tampung kos baiki sistem elektrik

SelangorKini, Malaysia



PKNS salur RM2 juta

Tampung kos baiki sistem elektrik

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sedia menyalur peruntukan sehingga RM2 juta bagi menampung kos pembaikan dan pemulihan bekalan elektrik di Pangsapuri Seri Perantau, Pelabuhan Klang.

Menurut EXCO perumahan, PKNS dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga menggerakkan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) termasuk sumbangan Skim Baik Pulih Negeri Berkebakiran (CERIA).

"Usaha mempercepat penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) akan dibuat bagi memastikan pengurusan bangunan lebih tersusun," kata Datuk Borhan Aman Shah.

Sebelum ini, media melaporkan penduduk blok C pangsapuri berkenaan terpaksa bergelap selama lebih 20 hari bersama anak kecil, warga emas dan pesakit yang memerlukan bantuan perubatan.

Masalah itu terjadi selepas kebakaran bilik sesalur elektrik yang menjejaskan

keseluruhan 128 unit kediaman, sekali gus menyebabkan gangguan bekalan dan perkhidmatan lif sejak 7 Disember.

Borhan kemudian meninjau pangsapuri berkenaan pada 26 Disember dan memaklumkan isu tersebut dibawa ke mesyuarat khas bagi membincangkan tindakan segera serta penyelesaian menyeluruh.

Beliau yang membuat kenyataan pada 29 Disember selepas mem-pengerusikan mesyuarat itu menjelaskan kelemahan penyelenggaraan antara faktor yang menyumbang kebakaran di blok C.

Justeru, katanya, tindakan menyeluruh dan berperingkat perlu dijalankan bagi memastikan aspek keselamatan kira-kira 600 penghuni pangsapuri berkenaan sentiasa menjadi keutamaan.

"Ini bagi memastikan penyelesaian jangka sederhana dan jangka panjang dapat dilaksanakan dengan berkesan demi kebajikan penduduk Pangsapuri

Seri Perantau," kata beliau lagi.

Atasi kesesakan hospital

Dalam perkembangan lain, pembinaan blok tambahan di Hospital Banting dijangka meningkatkan tahap keselesaan sekali gus mengurangkan masalah kesesakan di institusi kesihatan tersebut.

Borhan yang melawat hospital berkenaan pada 19 Disember memberitahu penambahan itu ekoran hospital tersebut tumpuan utama penduduk setempat menyebabkannya sesak manakala ruang terhad.

"Setiap wad lelaki, wanita dan kanakkanak mendapati terdapat penambahan katil yang boleh menyebabkan kurang selesa," katanya turut menyampaikan sumbangan 10 unit kerusi roda.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan Persekutuan 2026 menyediakan peruntukan RM170 juta untuk Hospital Banting dan Sungai Buloh bagi mengatasi isu kesesakan.